

Syed Hamid: Isu kenyataan Howard ke mesyuarat ASEAN

UM, 8 DEC 2002

PUTRAJAYA 7 Dis. — Malaysia sedia membawa isu kenyataan Perdana Menteri Australia, John Howard yang mahu menyerang negara jirannya dalam usaha menangani keganasan ke Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN bagi menentukan pendirian negara-negara rantau ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid berkata, langkah itu perlu kerana kenyataan Howard boleh menjejaskan negara, ekonomi dan mengancam integriti serta kedaulatan negara-negara ASEAN.

“Kita sedia membawa isu ini tetapi sekarang ini pun, negara-negara ASEAN telah memberikan reaksi keras terhadap kenyataan Howard itu.

“Sudah ada perasaan antara negara serantau bahawa tindakan dan

sikap Australia itu tidak tepat,” katanya ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk orang kenamaan di Seri Perdana di sini hari ini.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengemukakan bantahan rasmi kepada Australia, beliau berkata, kini langkah itu tidak diperlukan.

Katanya, apa yang lebih penting ialah Malaysia dan seluruh negara ASEAN telah memberikan reaksi keras terhadap kenyataan pemimpin Australia itu dan semua pihak telah mengetahuinya.

“Malah, banyak pihak di Australia termasuk pembangkang negara itu sedar bahawa tindakan kerajaan negara itu tidak betul,” katanya.

Mengenai keengganan Australia menarik balik kenyataan tersebut, katanya, Malaysia terpaksa mengambil tindakan mengkaji semula hubungan dengan negara itu.

Katanya, Kementerian Luar akan membuat kajian dan menentukan bentuk hubungan dan bidang-bidang yang perlu dijalinan kerjasama dengan Australia.

“Kita akan mencadangkan kepada kerajaan dan terpulang kepada kerajaan untuk membuat keputusan,” katanya.

Syed Hamid berkata, Australia selalu menyatakan bahawa ia mahu kan hubungan yang akrab dengan Malaysia, tetapi pemimpinnya tidak sensitif terhadap soal kedaulatan dan maruah negara ini.